

**Mereka burukkan imej negara
dan mengugut kerajaan**

Mahathir bidas golongan minta bantuan luar

KUALA LUMPUR 4 Sept. 1983 - Perdana Menteri hari ini membidas golongan rakyat Malaysia yang meminta sokongan dan bantuan luar untuk memburukkan imej negara dan mengugut kerajaan kerana kepentingan mereka sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, tindakan golongan itu dikesali kerana mereka sebenarnya boleh menyuarakan pendapat dan permintaan mereka di negara sendiri dan kerajaan akan membuat pertimbangan jika perlu.

"Tetapi kerajaan tidak akan tunduk atau terpengaruh dengan segala tindakan golongan itu kerana apa yang dibuat oleh kerajaan adalah keputusannya sendiri atas sokongan rakyat majoriti," tambahnya ketika berucap meramikan Seminar Era Baru Ekonomi anjuran MCA Wilayah Persekutuan.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB), Perdana Menteri mengingatkan sektor perniagaan di negara ini supaya tidak mengambil pekerja bumiputera hanya sekadar memenuhi kehendak dasar itu kerana ini tidak akan menguntungkan mana-mana pihak.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata adalah lebih penting kaum bumiputera dibantu dengan cara memberi peluang kepada mereka bekerja di kedai-

hami dasar itu bukan beritakna seseorang telah melaksanakannya tetapi apa yang penting ialah mentaliti ke arah pelaksanaannya.

Dalam melaksanakan dasar itu, katanya, DEB perlu memberi peluang agar semua pihak mampu untuk menikmati kesenangan hidup di masa depan.

"Memberi sesuatu bukannya cara untuk mewujudkan peluang - peluang persamaan antara kaum," katanya lagi.

Katanya, golongan itu boleh mengkritik kerajaan tetapi adalah penting dinyatakan di sini bahawa kerajaan tidak akan membenarkan golongan itu mempengaruhi atau menentang dasar-dasar yang telah ditentukan demi kepentingan majoriti.

"Masih ada golongan yang cuba menentang kerajaan dengan menubuhkan pertubuhan - pertubuhan persendirian dan sokongan kumpulan kecil, dengan harapan mereka dapat membawa kesan penentangan walaupun pengaruh mereka tidak seberapa," tambahnya lagi.

Bagaimana bijak sekalipun, kerajaan tidak akan membenarkan mereka menentang dasar - dasarnya, sebaliknya pihak majoriti yang akan menentukan polisi negara, tegasnya.

Kerajaan, tambahnya, mahu rakyat Malaysia berfikir cara Malaysia dan kalau mereka tidak bersetuju dengan pihak majoriti, mereka boleh mencari jalan untuk membuktikan kebenaran mereka.

kedai kecil agar dapat mempelajari selok-belok perniagaan dari peringkat bawah.

"Cara itu adalah lebih baik daripada mengam-bil kaum bumiputera bekerja dengan perbadanan - perbadanan besar

dengan gaji yang besar tetapi tidak mempunyai apa-apa tugas dan tidak mempelajari sesuatu pun," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahalam hubungan ini perlu thir sebaliknya menggesa bumiputera kaum bumiputera jangan terutamanya memindah-menggunakan status me-kan pengetahuan - penreka untuk mendesak hak-hak yang di luar keupayaan mereka.

Beliau berkata, mema-

Selaras dengan itulah, tambah beliau, kerajaan cuba mengurangkan mentaliti subsidi di kalangan masyarakat agar mereka tidak sangat bergantung kepada kerajaan sebaliknya lebih berdi-kari.

Beliau memberitahu seminar itu bahawa semua pihak terlibat dalam menjayakan dasar itu dan masyarakat Cina da-

dan hubungan ini perlu bumiputera membantu bumiputera jagan terutamanya memindah-menggunakan status me-kan pengetahuan - penreka untuk mendesak hak-hak yang di luar pada golongan itu.

Dalam usaha - usaha memberi pengalaman dan idea perniagaan kepada bumiputera, katanya, kejujuran perlu diwujudkan di antara kedua belah pihak.